

Sambutan Majlis Penutupan Rasmi Minggu Wanita

Oleh Tan Chai Jie

chajiee.tan@hotmail.com

KOTA KINABALU, 12 MAC - Timbalan Yang Dipertua Kelab Suri Rumah dan Staff Wanita (KESUMBA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Yang Bahagia Datin Baidah Ibrahim merasmikan Majlis Penutupan Minggu Wanita yang bertemakan "Wanita, Cita-cita dan Cinta" di kafe Kolej Kediaman E pada pukul 11 pagi hari ini.

Program Minggu Wanita jelas membuktikan komitmen wanita dalam menjayakan apa juga usaha kerajaan demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

"Wanita berperanan sebagai pendidik awal amat penting untuk menyemai semangat perpaduan dan toleransi serta kesediaan menerima keunikan kepelbagaiannya kaum yang ada di jiwa anak-anak agar nilai-nilai ini dapat dipupuk sehingga menjadi budaya dan amalan dalam kalangan rakyat untuk mencapai perpaduan yang utuh," kata beliau ketika memberi ucapan.

Malaysia telah berjaya meningkatkan penyertaan wanita dan mengurangkan jurang dalam kebanyakan isu-isu kritis yang ditetapkan kecuali dalam memegang kuasa dan jawatan yang membuat keputusan.

Justeru beliau menyeru semua wanita hendaklah sentiasa peka terhadap setiap perubahan, memanfaatkan peluang yang disediakan, menimba seberapa banyak ilmu dan turut serta dalam apa juga program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Semua itu akan memantapkan gerak kerja kaum wanita terutamanya dalam meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga dan juga masyarakat.

"Saya berharap Hari Wanita tidak dilihat setakat perayaan semata-mata tetapi harus dijadikan sebagai wadah untuk menilai kemajuan yang dicapai dan melihat pelbagai prospek dan peluang yang boleh diterokai untuk manfaat bersama," kata beliau.

Beliau juga berharap agar kaum wanita akan terus berperanan secara aktif menggembungkan potensi diri bagi manfaat keluarga, masyarakat dan pembangunan negara.



Timbalan YDP KESUMBA UMS Yg Bhg. Datin Baidah Ibrahim memberi ucapan sempena perasmian Majlis Penutupan Minggu Wanita.

Foto Oleh Tan Chai Jie